

27.3.2025  
Siaran Media

**DATO' IR. PATHMANATHAN K.**  
CEO, PBAHB dan PBAPP.

**GANGGUAN BEKALAN AIR BERJADUAL APRIL (SWSI) 2025:  
HANYA SATU (1) GANGGUAN BEKALAN AIR BESAR YANG DIJADUALKAN  
TAHUN INI**

<b>Skop kerja</b>	<b>23 projek di 9 instalasi PBAPP</b>
<b>Pengguna terjejas (dikemas kini)</b>	<b>341,708 pengguna di 5 daerah, terutamanya membabitkan Daerah Barat Daya (DBD) di bahagian pulau</b>
<b>Tempoh yang dirancang</b>	<b>24 – 60 jam (1 – 2.5 hari) bergantung kepada lokasi</b>
<b>Tarikh</b>	<b>25.4.2025 (Jumaat) – 28.4.2025 (Isnin)</b>
<b>Jumlah pelaburan</b>	<b>RM 25 juta</b>

PULAU PINANG, Khamis, 27.3.2025: PBAPP akan melaksanakan 23 projek kerja air di 9 instalasi secara serentak ketika gangguan bekalan air berjadual (SWSI) April 2025 di Pulau Pinang.

**SWSI April 2025 ini akan menjadi satu-satunya SWSI besar yang dijadualkan di Pulau Pinang pada 2025. PBAPP tidak merancang untuk melaksanakan satu lagi SWSI besar tahun ini.**

Keutamaan utama SWSI April 2025 ialah kerja-kerja penyambungan akhir untuk bahagian Saluran Paip Menyeberangi Sungai (SP-RCP) Sungai Perai baharu bernilai RM8.7 juta di Seberang Perai Tengah (SPT).

Bagaimanapun, PBAPP juga telah memutuskan untuk melaksanakan 7 projek lain di Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Dua di Seberang Perai Utara (SPU) sepanjang SWSI ini. Rasionalnya adalah untuk mengoptimumkan pengepaman dan bekalan air terawat daripada LRA ini.

LRA Sungai Dua merupakan LRA terbesar dan terpenting di Negeri Pulau Pinang. Air terawat daripada LRA Sungai Dua membekalkan kepada kira-kira 465,000 pengguna air di SPU, SPT dan Seberang Perai Selatan (SPS), serta ke Daerah Barat Daya (DBD) dan Timur Laut (DTL) Pulau Pinang melalui 3 set saluran paip dasar laut berkembar.

Projek-projek yang PBAPP akan lakukan di LRA Sungai Dua termasuk kerja-kerja menaik taraf dan penyelenggaraan segera berkaitan operasi pengepaman air terawat,



pembaikan saluran paip berdiameter 700mm yang bocor. PBAPP juga menggantikan injap kupu-kupu pada bahagian saluran paip utama 1.2m di Jalan Pengkalan Tambang, berhampiran LRA Sungai Dua.

### **Objektif Utama**

Objektif utama SWSI April 2025 adalah untuk meningkatkan kapasiti dan kecekapan mengepam air terawat dari LRA Sungai Dua untuk manfaat 465,000 pengguna air di Pulau Pinang, atau kira-kira 66% daripada jumlah pelanggan PBAPP iaitu 705,528 pengguna di negeri ini.

Pada 20.9.2024, Ketua Menteri Pulau Pinang YAB Tuan Chow Kon Yeow secara rasminya membuka Pakej 12A LRA Sungai Dua 114 juta liter sehari (JLH) untuk menghasilkan lebih banyak air terawat.

Ketika SWSI April 2025, PBAPP akan melaksanakan projek pengepaman air terawat dan saluran paip yang diperlukan untuk menghantar lebih banyak air terawat dari LRA ini kepada pengguna air di Pulau Pinang.

### **Pengguna-pengguna Terjejas**

SWSI April 2025 akan memberi kesan kepada 341,708 pengguna di semua 5 daerah di Pulau Pinang:

Daerah	Bil. pengguna yang terjejas
1. DBD	130,790
2. SPS	77,921
3. DTL	73,090
4. SPT	38,796
5. SPU	21,111
Jumlah	341,708

Ini berikutan fakta bahawa PBAPP terpaksa “menghenti tugas sebahagian” untuk sementara LRA Sungai Dua untuk menjalankan kerja-kerja di premis itu.

### **Tempoh SWSI dan Pemulihan Bekalan Air**

Keseluruhan tempoh SWSI April 2025 ialah 60 jam atau 2.5 hari, dari Jumaat, 25.4.2025, hingga Isnin, 28.4.2025.

Walau bagaimanapun, bergantung pada lokasi, tempoh sebenar SWSI April 2025 akan menjelaskan pengguna air pada tahap yang berbeza-beza.

Operasi pemulihan bekalan air telah dirancangkan dalam 3 tahap:

Tahap	Garis masa	Jangkaan pemulihan bekalan air untuk:	% pemulihan
1	24 jam	136,683 pengguna di SPU, SPT, SPS, DBD dan DTL.	40
2	48 jam	163,502 pengguna di SPU, SPT, SPS, DBD dan DTL.	88
3	60 jam	41,523 pengguna di SPS dan DBD.	100.0

SWSI ini telah dijadualkan pada hujung minggu untuk mengurangkan impaknya terhadap aktiviti sosioekonomi hari minggu di Pulau Pinang.

Tempoh SWSI April 2025 sebahagian besarnya "ditetapkan" atau ditentukan oleh henti tugas sebahagian sementara LRA Sungai Dua. Ia mengambil tempoh yang lebih lama untuk memulihkan sepenuhnya rawatan air optimum dan operasi pengepaman di loji ini berikutan penutupan separa.

Secara amnya, pengguna di kawasan yang berdekatan dengan LRA Sungai Dua dan saluran paip utama akan mengalami SWSI yang lebih pendek berbanding kawasan yang jauh. Bekalan air ke semua kawasan perindustrian utama (termasuk kawasan Bayan Lepas, Perai, Bukit Minyak dan Batu Kawan) dan Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang harus pulih dalam tempoh 24 atau 48 jam.

PBAPP merancang untuk mencapai pemulihan bekalan air sepenuhnya (100%) dalam tempoh 60 jam, pada hari Isnin, 28.4.2025. Walau bagaimanapun, kami mungkin menjangkakan beberapa isu "setempat" di beberapa kawasan yang lebih tinggi dan kawasan kejiranan hujung paip agihan di SPS dan DBD.

PBAPP memohon maaf atas segala kesulitan yang akan berlaku akibat SWSI April 2025. PBAPP mesti bertindak sekarang untuk melaksanakan kerja air segera yang akan menambah baik perkhidmatan bekalan air untuk manfaat rakyat dan perniagaan yang terletak di Pulau Pinang.

Terima kasih.

Dikeluarkan oleh : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah  
Seksyen Komunikasi Korporat  
Email : [comms@pba.com.my](mailto:comms@pba.com.my)